



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PENYEMPURNAAN MURAL 3D DARIPADA  
PENUTUP BOTOL MINUMAN

## OLEH

TUAN YANG TERUTAMA  
TUN DATO' SERI UTAMA (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN  
BIN HAJI ABBAS  
**YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**1 OKTOBER 2018 (ISNIN)**  
**2.30 PETANG**

**LOBI MENARA MPSP**  
**BANDAR PERDA**  
**BUKIT MERTA JAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas**

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah**

Timbalan Yang Di-Pertua Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,  
Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan

**Yang Berhormat Tuan Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq**

Ahli Dewan Undangan Negeri - Bertam

**Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy**

Ahli Dewan Undang Negeri Bagan Dalam

**Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik**

Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tambun

**Yang Berhormat H'ng Mooi Lye**

Ahli Dewan Undang Negeri Jawi

**Yang Berhormat Tuan Zulkifli Bin Ibrahim**

Ahli Dewan Undang Negeri Sungai Aceh

**Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Bin Sabran**

**Naib Canselor**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Md. Amin Bin Md. Taff**  
**Timbalan Naib Canselor HEPA**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Yang Berusaha Prof Madya Dr. Mohd. Fauzi Bin Sedon @ M. Dom**  
Pensyarah  
Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Yang Berusaha Mohd Ali Bin Haji Sebran**  
Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah

**Yang Dihormati ACP Nik Ros Azhan Bin Nik Abdul Hamid**  
Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Zabidi Bin Abdul Razak**  
Chief Executive Officer  
KPJ Penang Specialist Hospital  
Bandar Baru Perda

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Datin Hjh Che Limah Bt Hj Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA

**Encik Mohd Tahir Bin Othman**  
Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

**Encik Mohd Nasir Bin Hassan**  
Naib Yang DiPertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam Bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah Binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Pegawai-Pegawai dari Universiti Pendidikan Sultan Idris**

**Penaja-Penaja Program Mural 3D**

- **South Island Garment**
- **Penang Quarry**
- **Eligan Base**
- **PLB Engineering**
- **Expouri Berhad**

**Petugas-Petugas dan Sukarelawan-Sukarelawan Program Mural 3D**

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyempurnaan Mural 3D dari Penutup Botol Minuman oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu saya ingin Menjunjung Kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang serta merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun menyempurnakan majlis perasmian pada petang ini.

Saya rasa amat terharu atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir bersama-sama kita pada petang yang amat bermakna ini. Tuan Yang Terutama Tun amat dekat dengan hati rakyat dan sentiasa menyokong usaha-usaha menimba ilmu melalui pelbagai aktiviti di Pulau Pinang. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan seisi keluarga sentiasa di bawah naungan rahmat Tuhan dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia,

sihat tubuh badan dan dimudahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini. Kesejahteraan Tuan Yang Terutama Tun adalah kesejahteraan rakyat jua. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang Di Pertua Negeri terhadap rakyat jelata. Kita berasa bersyukur kerana di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun, Negeri Pulau Pinang bertambah maju, aman dan makmur.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diketuai oleh Yang Berbahagia Professor Madya Dr. Mohd Fauzi Bin Sedon @ M. Dom yang telah bekerjasama dengan MPSP dalam penghasilan empat (4) Mural 3D menggunakan bahan buangan, iaitu tudung botol minuman, untuk dijadikan sumber dalam menghasilkan karya seni.

Terima kasih juga kepada kesemua 595 sukarelawan-sukarelawan yang telah memberi sokongan serta sudi meluangkan masa untuk membantu dalam kerja-kerja penyediaan mural 3D selama tiga hari dari 21 hingga 23 September 2018. Bak pepatah Melayu, **berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing**. Syabas dan tahniah diucapkan.

**Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Semua kita sedia maklum, baru-baru ini tular dalam media sosial mengenai hidupan laut terancam kerana memakan sisa plastik yang mencemar lautan. Malaysia menduduki tangga ke 8 negara yang mencemarkan lautan. Kajian pada tahun 2010 menunjukkan 0.90 million metric ton plastik telah tidak diurus dengan baik dan 0.37 million metric ton daripadanya mengalir ke laut dan mengancam hidupan laut. MPSP terpanggil untuk menyelesaikan isu ini terutamanya plastik pakai buang dan penutup botol terpakai yang dibuang di merata-rata tempat.

Penghasilan Mural 3D adalah perkongsian idea kreatif “MPSP *Smart Consumption Model*” iaitu 8R [*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift, recover* dan *recycle*] dengan “*Re-Imagining Waste as a Resources*” daripada UPSI. Penggabungan kedua-dua idea kreatif ini iaitu penggunaan barang-barang buangan yang digunapakai, dalam hal ini penutup botol terpakai telah menghasilkan Mural 3D yang amat kreatif dan memberi impak *visual* kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke Menara MPSP.

*“Re-Imagining Waste as a Resource”* adalah cara kita melihat bahan buangan sebagai khazanah atau sumber dan boleh diubah suai atau dicipta menjadi sesuatu yang berkualiti. Manakala, MPSP *Smart Consumption Model 8R* [*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift, recover* dan *recycle*] yang mana intipatinya adalah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

**Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Bagi menjayakan penghasilan Mural 3D, Majlis Pelancaran Pengumpulan Penutup Botol Minuman telah diadakan pada 25 Julai 2018 di Auditorium MPSP. Sebanyak 71,000 penutup botol minuman perlu dikumpulkan untuk penyediaan Mural 3D tersebut dan semasa majlis pelancaran ini, sejumlah 52,115 penutup botol pelbagai warna dan saiz telah berjaya dikutip sumbangan daripada MPSP, komuniti, kilang, pengusaha pusat kitar semula dan sekolah-sekolah.

Bermulanya detik sejarah pada 14 September 2018 pula, satu Majlis Penyerahan Pengumpulan Penutup Botol Minuman telah diadakan



bertempat di lobi Menara MPSP. Jabatan dan Persatuan dalaman MPSP telah berjaya mengumpulkan sebanyak 31,294 penutup botol minuman dan jumlah keseluruhan penutup botol minuman yang telah berjaya dikutip hasil daripada MPSP, komuniti, kilang, pengusaha pusat kitar semula dan sekolah secara keseluruhannya ialah 113,190 penutup botol, melebihi daripada sasaran asal.

Kerja-kerja menyiapkan Mural 3D ini telah dijalankan pada 21, 22 dan 23 September 2018 bermula jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang. Kerja-kerja menyiapkan mural 3D dari penutup botol ini telah diketuai oleh Prof Dr Fauzi Sedon @ M. Dom, Pensyarah Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris bersama lapan (8) orang tenaga pengajar UPSI.

Sebanyak empat (4) Mural 3D berukuran 20' x 8' disediakan dengan kerjasama dan penglibatan 595 orang sukarelawan yang dibimbing oleh pihak UPSI. Para sukarelawan adalah terdiri daripada kakitangan UPSI; pegawai dan kakitangan MPSP dari semua peringkat, wira-wira orange, wakil-wakil persatuan dalaman MPSP iaitu Puspanita, Pesuka, Permai, Kospema, Anulae dan lain-lain; Agensi Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi; Syarikat-Syarikat Swasta termasuk kilang-kilang; sekolah-sekolah; wakil-wakil komuniti dan persatuan; serta orang awam. Lima syarikat

swasta pula telah berbesar hati untuk menjadi penaja bersama bagi program ini.

Mural 3D ini diletakkan di dinding-dinding Menara MPSP yang boleh dilihat oleh pengunjung-pengunjung ke sini. Projek penghasilan Mural 3D ini juga bertujuan untuk mendekatkan rakyat dengan MPSP, supaya mereka boleh berselfie (atau wefie) sesuai dengan pengisytiharaan “*People Centric Year 2019*”.

**Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pentadbiran MPSP di bawah kepimpinan saya meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada *philosopher* dari kalangan pensyarah universiti dan pemikir serta professional. Saya berpendapat menara gading dan pihak berkuasa tempatan seharusnya bergabung untuk menerokai kekuatan perkongsian supaya meluncur laju memberi khidmat dan manfaatnya dirasakan oleh rakyat.

Pada tahun 2016, melalui Program Pemandulan Anjing, MPSP telah berkolaborasi dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Pihak UMK telah menyumbang peralatan perubatan dalam kerja-kerja pemandulan anjing-anjing liar. Manfaat segera yang dirasakan oleh rakyat adalah

penjimatan kos pemandulan dan meningkatkan kualiti hidup. Kos yang dikenakan adalah RM70.00 hingga RM180 (termasuk ubatan dan peralatan) bagi setiap ekor anjing berbanding RM250.00 sehingga RM450.00 bagi setiap ekor anjing, sekiranya dibuat di klinik swasta.

MPSP juga dalam perancangan untuk mengadakan kerjasama pintar dengan Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang bagi mewujudkan Seberang Perai sebagai hub pengeluar padi organik dalam mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Ini memandangkan MPSP mempunyai keupayaan untuk mengumpul baja-baja kompos yang diproses daripada sisa-sisa makanan dan sisa kebun. Manakala, insititut pengajian tinggi dan agensi berkaitan mempunyai teknologi penggunaan baja kompos untuk menggantikan baja kimia terutamanya dalam sektor penanaman padi.

MPSP dan UPSI telah bersetuju untuk mengembangkan idea kreatif kombinasi *Smart Consumption Model 8R dan wastes to resources* dalam penyediaan Mural 3D ke sekolah-sekolah, komuniti atau sektor swasta mulai tahun 2019. Sekolah-sekolah, komuniti atau sektor swasta yang berminat bolehlah menghubungi MPSP, unit eko-komuniti dan mengemukakan cadangan untuk Mural 3D masing-masing.

Kerjasama warga Seberang Perai untuk turut bersama dalam menyiapkan Mural 3D dari penutup botol di Menara MPSP sejajar dengan sasaran MPSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022 dengan wawasan '**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar pintar dipacu oleh teknologi.**'

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus menjaga kebersihan Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu "**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**" atau "**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**".

**Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun, jika ada ketelanjangan kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir pada petang ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. *Seperti kata peribahasa Melayu, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.* Terima kasih sekali lagi kepada pihak UPSI, sukarelawan-

sukarelawan dan juga penaja-penaja atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini.

Untuk itu, saya hiasi penyudah kata saya ini dengan serangkap pantun.

***Anak Muda Berbaju Hijau,  
Nampak tampan berseri-seri;  
Seberang Perai aman menghijau,  
Bawah naungan Yang Di Pertua Negeri.***

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum***

***Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**